

06 SEP 1999

Mahathir-Janji

BN JANJI PERKARA YANG BOLEH IA TUNAikan SAHAJA, KATA DR MAHATHIR

KUANTAN, 6 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Barisan Nasional (BN) hanya berjanji perkara-perkara yang ia boleh tunaikan kepada rakyat apabila menjadi kerajaan.

"Kita hanya berjanji benda-benda yang kita boleh buat supaya apabila kita menjadi kerajaan, kita akan tunaikan janji-janji itu. Rakyat tahu bahawa BN tidak buat janji yang bukan-bukan yang tidak boleh ditunaikannya," katanya pada majlis perjumpaan dengan pemimpin-pemimpin BN Pahang di sini.

Beliau berkata BN tidak membuat janji kosong kepada rakyat sepertimana yang dilakukan oleh parti pembangkang dalam usaha mereka untuk memancing undi dan menambah bilangan kerusi untuk dimenangi.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, berkata janji BN untuk melaksanakan pembangunan negara telahpun ditunaikannya dan pembangunan di sekeliling yang boleh dilihat pada masa ini merupakan bukti bahawa BN mengotakan segala janjinya.

Beliau berkata berbeza dengan parti lawan, mereka menabur pelbagai janji, termasuk akan memberikan tiket untuk ke syurga kerana tahu mereka tidak akan menang dalam pilihan raya.

Katanya, tanpa kemenangan besar dalam pilihan raya dan sekaligus membentuk kerajaan, sudah tentulah janji-janji yang ditaburkan itu tidak dapat mereka tunaikan.

Dr Mahathir meminta semua parti komponen BN untuk bekerja keras bagi menentukan BN mencapai kemenangan dua pertiga dalam pilihan raya umum kelak.

Beliau berkata Malaysia berjaya memulihkan ekonominya kerana mempunyai kerajaan yang kuat dan memiliki lebih dua pertiga kerusi dalam Parlimen walaupun tindakan yang diambilnya bagi memulihkan ekonomi mendapat tentangan daripada Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan media asing.

"Apabila kerajaan kuat, kita boleh menentang dunia walaupun kita hanya sebuah negara kecil tetapi kalau kerajaan kita lemah dan mempunyai kelebihan hanya satu kerusi, percayalah...jangan kata nak menentang dunia, nak menentang parti lawan pun tak boleh," kata beliau.

Ini memandangkan sekiranya hanya mempunyai kelebihan satu kerusi sahaja, kerajaan akan jatuh apabila seorang sahaja menyeberang untuk menyertai parti lawan, katanya.

Bagi negeri Pahang, beliau berkata kemenangan 100 peratus mesti dicapai bagi kerusi Parlimen manakala kerusi Dewan Undangan Negeri tunggal yang dimenangi DAP di negeri ini juga perlu dirampas kembali.

"Tolong sampaikan salam saya kepada pengundi di kawasan itu dan tolong beritahu mereka bahawa saya berpendapat eloklah kalau mereka pilih BN," katanya.

Pahang mempunyai 11 kerusi Parlimen yang kesemuanya diwakili BN manakala daripada 33 kerusi dewan undangan negeri pula, satu daripadanya iaitu dewan undangan negeri Triang dimenangi wakil DAP, Leong Ngah Ngah pada pilihan raya umum 1995.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan perjumpaan tertutup dengan anggota-anggota Badan Perhubungan Umno Pahang di Hyatt Regency di sini.

Sementara itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali pula menghadiri majlis ramah mesra bersama kira-kira 100 anggota pelbagai pertubuhan wanita

Pahang, yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita (HAWA)
Pahang.

-- BERNAMA
AFY ROS AKD